



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODUL MEMBACA SIFIR FONIK PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

MAZIDA BINTI TAN AHMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN MODUL MEMBACA SIFIR FONIK PENGAJARAN KEMAHIRAN
MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS**

MAZIDA BINTI TAN AHMAD

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FLASAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja
Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 05/08/2025

Perakuan Pelajar:

Saya, MAZIDA BINTI TAN AHMAD, P20191001094 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL MEMBACA SIFIR FONIK PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROFESOR DR. ABDUL RAHIM BIN RAZALLI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL MEMBACA SIFIR FONIK PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN PENDIDIKAN KHAS.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN MODUL MEMBACA SIFIR FONIK
PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN
KHAS

No. Matrik / Matric's No.: P20191001094

Saya / I: MAZIDA BINTI TAN AHMAD
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur kerana dapat saya merealisasikan tugas ini dengan memberikan kesihatan tubuh badan, idea, dan luangan masa yang memuaskan. Penghargaan yang tidak terhingga ini saya dedikasikan buat penyelia saya yang begitu bersemangat dan tidak lokek dalam memberikan ilmu dan nasihat yang bermanfaat kepada saya iaitu Profesor Dr. Abdul Rahim bin Razalli dan Dr. Kama bin Shaffeei, Fakulti Pembangunan Manusia (FPPM). Segala ilmu, nasihat dan tunjuk ajar beliau yang sangat bernas mendorong saya menjadi insan dan menjadi guru khususnya yang bertanggung jawab, berkaliber dan berdedikasi dalam bidang ini. Tidak lupa juga penghargaan ini adalah buat teman-teman seperjuangan saya dari unit Program Pesisir Doktor Falsafah (Pendidikan Khas) sesi 2020/2025, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sentiasa berbincang dan saling bertukar maklumat dan idea sepanjang saya menyiapkan tugas yang menarik ini. Tidak ketinggalan juga kepada keluarga saya yang memahami dan menyokong penuh kepada saya. Akhir sekali ucapan setinggi terima kasih ini saya tujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sehingga saya berjaya menyiapkan tugas ini.



ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan Modul Membaca Sifir Fonik (MSF) untuk pengajaran kemahiran membaca kepada murid Pemulihan Khas. Tujuan kajian adalah untuk membangunkan modul pengajaran yang meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pemulihan Khas. Kajian ini menggunakan reka bentuk dan pembangunan (ADDIE) dalam tiga fasa: Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, serta Fasa Pelaksanaan dan Penilaian. Soal selidik Fasa Analisis Keperluan melibatkan 130 orang guru Pemulihan Khas sekolah rendah di Pahang, dan analisis menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengajaran membaca yang sederhana. Dapatan ini digunakan dalam Fasa Reka Bentuk untuk menentukan elemen-elemen dalam modul MSF. Kaedah Fuzzy Delphi digunakan dengan menemu bual lapan orang pakar di pusingan pertama, diikuti edaran soal selidik kepada 15 orang pakar. Item-item yang melepasi nilai defuzzification 0.5 dimasukkan dalam modul. Modul MSF terdiri daripada empat submodul merangkumi objektif, kandungan, cadangan pengajaran, latihan dan penilaian. Empat orang pakar menilai kesahan kandungan modul, manakala kebolehgunaan modul diuji ke atas 30 orang guru Pemulihan Khas berpengalaman lebih lima tahun. Ujian-t menunjukkan peningkatan signifikan dalam tahap pengetahuan ($t(30) = 11.79$, $p < 0.05$) dan kemahiran ($t(30) = 11.25$, $p < 0.05$) selepas menggunakan modul. Dapatan menunjukkan pengetahuan dan kemahiran guru meningkat dengan penggunaan modul MSF. Kajian ini menyimpulkan bahawa Modul MSF mempunyai tahap kebolehgunaan yang tinggi dan berpotensi dikembangkan dalam konteks pengajaran di pelbagai peringkat persekolahan, dengan penambahbaikan kandungan yang lebih fleksibel dan adaptif mengikut tahap murid dan keperluan guru.





DEVELOPMENT OF SIFIR FONIK READING MODULE FOR TEACHING READING SKILLS TO SPECIAL REHABILITATION

ABSTRACT

This study focuses on the development of the Modul Membaca Sifir Fonik (MSF) for teaching reading skills to Remedial Education students. The purpose of the study is to develop a teaching module aimed at improving the knowledge and skills of Remedial Education teachers. This study employed a design and development approach (ADDIE) conducted in three phases: Needs Analysis, Design and Development, and Implementation and Evaluation. A questionnaire in the Needs Analysis Phase involved 130 Remedial Education teachers from primary schools in Pahang, revealing that teachers had moderate levels of knowledge and skills in teaching reading. These findings were used in the Design Phase to determine the elements to include in the MSF module. The Fuzzy Delphi method was applied by interviewing eight experts in the first round, followed by distributing questionnaires to 15 experts in the field. Items that exceeded the defuzzification value of 0.5 were incorporated into the module. The MSF module consists of four sub-modules, covering objectives, content, teaching suggestions, exercises, and assessments. Four experts evaluated the module's content validity, while its usability was tested on 30 Remedial Education teachers with more than five years of teaching experience. The t-test results indicated significant improvements in knowledge ($t(30) = 11.79, p < 0.05$) and skills ($t(30) = 11.25, p < 0.05$) after using the module. The findings demonstrated that teachers' knowledge and skills improved with the use of the MSF module. This study concludes that the MSF module has high usability and potential for further development in teaching contexts at various school levels, with improvements in content to make it more flexible and adaptable to students' learning levels and teachers' needs.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xx

SENARAI SINGKATAN**xxi****BAB 1****PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	6
1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Tujuan Kajian	21
1.5	Objektif Kajian	23
1.5.1	Fasa Analisis Keperluan	23
1.5.2	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	23
1.5.3	Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	24
1.6	Persoalan Kajian	25
1.6.1	Fasa Analisis Keperluan	25





1.6.2	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	25
1.6.3	Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	26
1.7	Kepentingan Kajian	27
1.8	Kerangka Teoritikal Kajian	29
1.9	Kerangka Konseptual	34
1.10	Skop Kajian	38
1.11	Batasan Kajian	40
1.12	Definisi Operasi	43
1.12.1	Pembangunan modul	44
1.12.2	Guru Pemulihan Khas	45
1.12.3	Modul Membaca Sifir Fonik (MSF)	46
1.12.4	Murid Pemulihan Khas	46
1.12.5	Kemahiran Membaca	47
1.13	Kesimpulan	48

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	50
2.2	Kemahiran Membaca	51
2.3	Kaedah Fonik	58
2.4	Program Pemulihan Khas	63
2.5	Pengajaran Kemahiran Membaca	80
2.6	Murid Pemulihan Khas	84
2.7	Kaedah Pengajaran guru	91
2.8	Teori Pembelajaran	98



2.8.1	Teori Behaviorisme	99
2.8.2	Teori Konstruktivisme	102
2.8.3	Teori Fonologi Autosegmental	104
2.8.4	Teori Pensukukataan Bahasa Melayu	106
2.9	Model Rekabentuk Kurikulum	107
2.10	Model ADDIE	113
2.10.1	Analisis Keperluan (Analyze)	120
2.10.2	Reka Bentuk (<i>Design</i>)	123
2.10.3	Pembangunan (<i>Development</i>)	126
2.10.4	Pelaksanaan (<i>Implementation</i>)	127
2.10.5	Penilaian (<i>Evaluation</i>)	129
2.11	Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk Dan Pembangunan Modul.	132
2.12	Kebolegunaan modul dalam kemahiran membaca	134
2.13	Model proses dan penilaian modul	137
2.14	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	138
2.15	Modul Sifir Fonik	143
2.16	Analitikal Kajian Literatur: Perbandingan Kajian Mengikut Tema dan Tahun	154
2.17	Kesimpulan	156

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	158
3.2	Reka bentuk Kajian	160
3.3	Kerangka Pembangunan Modul	164

3.4	Tatacara Kajian	170
3.4.1	Fasa Analisis Keperluan.	171
3.4.2	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	173
3.4.2.1	Prosedur Untuk Menjalankan Kajian Menggunakan Teknik <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM) dua pusingan	175
3.4.3	Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	185
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	186
3.5.1	Persampelan Kajian Fasa Analisis Keperluan	187
3.5.1.1	Saiz Sampel Kajian Fasa Analisis Keperluan	187
3.5.1.2	Pemilihan Sampel Kajian Fasa Analisis Keperluan	189
3.5.2	Persampelan Kajian Fasa Rekabentuk Pembangunan	191
3.5.2.1	Saiz Sampel Kajian Fasa Rekabentuk Pembangunan	192
3.5.2.2	Pemilihan Sampel Kajian Fasa Rekabentuk Pembangunan	193
3.5.3	Persampelan Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	194
3.5.3.1	Saiz sampel kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Kebolehgunaan Modul.	194
3.5.3.2	Pemilihan Sampel Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	194
3.6	Instrumen Kajian	196
3.6.1	Instrumen Fasa I (Analisis Keperluan)	197
3.6.2	Instrumen Fasa II (Rekabentuk Pembangunan)	198

3.6.3	Instrumen Fasa III (Fasa Penilaian)	199
3.7	Pengumpulan Data	200
3.7.1	Pengumpulan Data Fasa Analisis Keperluan	201
3.7.2	Pengumpulan Data Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	202
3.7.3	Pengumpulan Data Fasa Penilaian	204
3.8	Penganalisan Data	206
3.8.1	Analisis Data Kuantitatif	206
3.8.2	Analisis Data Temubual	207
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	209
3.9.1	Kesahan Instrument Kajian	209
3.9.2	Kesahan Modul Kajian	211
3.9.3	Kebolehpercayaan instrument kajian	212
3.9.4	Kebolegunaan Modul Kajian	212
3.10	Kesimpulan	213

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	214
4.2	Dapatan Kajian Fasa Analisis Keperluan	215
4.2.1	Mengenal Pasti Pandangan Guru Pemulihan Khas terhadap masalah dan keperluan terhadap modul pengajaran kemahiran membaca untuk murid Pemulihan Khas.	216
4.2.2	Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pemulihan Khas tentang pengajaran kemahiran membaca.	219



4.2.3	Mengenal Pasti Tahap Kemahiran Guru Pemulihan Khas Tentang Kemahiran Membaca untuk murid Pemulihan Khas.	224
4.3	Dapatan Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan.	229
4.3.1	Reka bentuk dan pembangunan modul MSF memfokuskan kepada proses yang melibatkan beberapa fasa dan pandangan pakar.	229
4.3.1.1	Dapatan Teknik <i>Fuzzy Dhelphi</i> (FDM) Pusingan Satu	237
4.3.1.2	Dapatan Teknik <i>Fuzzy Dhelphi</i> (FDM) Pusingan kedua	242
4.3.2	Objektif Modul Kemahiran membaca Menurut Pandangan Pakar	243
4.3.3	Matlamat Modul Membaca Sifir Fonik	244
4.3.4	Isi Kandungan Kemahiran membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar.	245
4.3.5	Kaedah/ Strategi Penyampaian Kemahiran membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar	246
4.3.6	Strategi dan Teknik Penyampaian (Rancangan Pengajaran Harian (RPH))	247
4.3.7	Aktiviti / Latihan Kemahiran membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar	254
4.3.8	Penilaian/ Pentaksiran Modul Membaca Sifir Fonik	255
4.4	Reka Bentuk dan Pembangunan Modul MSF.	257
4.4.1	Rekabentuk Kulit Muka Depan	257
4.4.2	Susun Atur Modul Sifir Fonik mengikut pandangan pakar	259
4.4.3	Aspek kemahiran yang dimasukkan dalam sub modul (buku 1- buku 4) menurut pandangan pakar	260





4.4.4	Komponen dan Sub Unit Buku dalam Modul Membaca Sifir Fonik.	264
4.5	Dapatan Data Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	273
4.5.1	Penilaian Kesahan Modul Menurut Pakar	273
4.5.2	Pelaksanaan dan Kebolegunaan Modul MSF untuk Guru Pemulihan Khas Tentang Kemahiran Membaca.	278
4.5.3	Kesan Modul Membaca Sifir Fonik Terhadap Pengetahuan Guru Pemulihan Khas.	280
4.5.4	Kesan Modul Membaca Sifir Fonik Terhadap Kemahiran Guru Pemulihan Khas.	281
4.5.5	Tahap Kepuasan Guru Pemulihan Khas Terhadap Modul Membaca Sifir Fonik.	283
4.6	Kesimpulan	290

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	296
5.2	Ringkasan Kajian	297
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	300
5.4	Perbincangan Dapatan Data Analisis Keperluan	300
5.4.1	Latar Belakang Responden	300
5.4.2	Mengenal Pasti Pandangan Guru Pemulihan Khas terhadap masalah dan keperluan terhadap modul pengajaran kemahiran membaca untuk murid Pemulihan Khas.	301
5.4.3	Mengenal Pasti Tahap Pengetahuan Guru Pemulihan Terhadap Pengajaran Kemahiran Membaca.	315
5.4.4	Mengenal Pasti Tahap Kemahiran Guru Pemulihan Khas Tentang Kemahiran Membaca untuk murid Pemulihan Khas.	318





5.5	Perbincangan Dapatan Data Fasa Rekabentuk dan Pembangunan menurut pandangan Pakar Pemulihan Khas.	322
5.5.1	Bahagian A: Masalah Dan Keperluan Guru Tentang Kemahiran Pemulihan Khas.	323
5.5.1.1	Dapatan Teknik <i>Fuzzy Dhelphi</i> (FDM) Pusingan Satu	323
5.5.1.2	Dapatan Teknik <i>Fuzzy Dhelphi</i> (FDM) Pusingan kedua	330
5.5.2	Bahagian B: Komponen-komponen Modul.	331
5.5.2.1	Matlamat dan Objektif Modul Membaca Sifir Fonik	331
5.5.2.2	Isi Kandungan Kemahiran membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar.	333
5.5.2.3	Kaedah/ Strategi Penyampaian Kemahiran membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar.	333
5.5.2.4	Aktiviti / Latihan Kemahiran membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar	334
5.5.2.5	Strategi dan Teknik Penyampaian (Rancangan Pengajaran Harian (RPH))	335
5.5.2.6	Penilaian/ Pentaksiran Modul Membaca Sifir Fonik	337
5.5.3	Bahagian C: Susun Atur Modul.	339
5.5.3.1	Rekabentuk Kulit Muka Depan	339
5.5.3.2	Susun Atur Modul Sifir Fonik mengikut pandangan pakar	340
5.5.3.3	Aspek kemahiran yang dimasukkan dalam sub modul (Buku 1- Buku 4) menurut pandangan pakar.	342





5.6	Output Kajian: Model Modul MSF untuk Guru Pemulihan Khas	346
5.6.1	Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pemulihan Khas	346
5.6.2	Pelaksanaan Kebolegunaan Modul MSF	346
5.6.3	Kebolegunaan Modul MSF oleh Guru Pemulihan Khas.	347
5.7	Perbincangan Dapatan Data Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Modul.	348
5.7.1	Penilaian Kesahan Modul	348
5.7.2	Pelaksanaan dan Kebolegunaan Modul MSF	353
5.7.3	Kesan Modul MSF Terhadap Pengetahuan Guru Pemulihan Khas.	356
5.7.4	Kesan Modul MSF Terhadap Kemahiran Guru Pemulihan Khas.	357
5.7.5	Tahap Kepuasan Guru Pemulihan Terhadap Modul Membaca Sifir Fonik.	362
5.8	Tahap Kepuasan Modul MSF	364
5.8.1	Tahap Kepuasan Modul Membaca Sifir Fonik Menurut pandangan Guru Pemulihan Khas	364
5.9	Implikasi Kajian	373
5.10	Cadangan Kajian Lanjutan	376
5.11	Kesimpulan	383
5.12	Sumbangan Modul Sifir Fonik	389
	RUJUKAN	394
	SUMBER DARI CARIAN INTERNET:	443
	LAMPIRAN	445



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Rumusan Kerangka Teoritikal Kajian	33
2.1	Dokumen Penghubung antara Kemahiran Pemulihan Khas dan Kemahiran Literasi LINUS.	124
3.1	Hubungan Fasa Kajian dengan Peringkat Pembangunan Modul	161
3.2	Empat Kemahiran Asas Kemahiran Membaca	179
3.3	Penentuan Saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)	188
3.4	Sampel dan Responden Kajian	196
3.5	Instrumen Kajian	200
3.6	Pengumpulan Data	200
4.1	Latar belakang responden analisis keperluan	215
4.2	Guru kurang mengikuti kursus/ taklimat mengenai sukatan pelajaran kemahiran membaca.	218
4.3	Penguasaan Kemahiran Membaca Dalam Masa yang Agak Lama	218
4.4	Rujukan Pengajaran Kemahiran Membaca Internet/ Facebook/ Telegram dan sebagainya.	218
4.5	Keberkesanan Penggunaan Modul terkini	219
4.6	Masalah yang dihadapi dalam penggunaan sesebuah modul.	219



4.7	Tahap Pengetahuan Guru Pemulihan Terhadap Pengajaran Kemahiran Membaca	221
4.8	Tahap Kemahiran Guru Pemulihan Khas Tentang Kemahiran Membaca untuk Guru Pemulihan Khas	225
4.9	Maklumat Demografi pakar	235
4.10	Dapatan Temubual Bersama Pakar Dalam FDM Pusingan Satu	238
4.11	Analisis Dapatan pandangan, cadangan dan komen temubual pakar Fuzzy Delphi pusingan satu	240
4.12	Masalah Guru Tentang Modul Pengajaran Kemahiran Membaca Menurut Pandangan Pakar	242
4.13	Objektif Kemahiran Membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar	243
4.14	Matlamat Modul Membaca Sifir Fonik	245
4.15	Komponen/ Isi Kandungan Kemahiran Membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar	246
4.16	Strategi/kaedah Pengajaran Kemahiran Membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar	247
4.17	Strategi dan teknik penyampaian modul (Teori Behaviorisme)	249
4.18	Strategi dan teknik penyampaian modul (Teori Konstruktivisme)	250
4.19	Strategi dan teknik penyampaian modul (Teori Pembelajaran Masteri)	250
4.20	Aktiviti/Latihan Kemahiran membaca Dalam Modul Mengikut Pandangan Pakar	255
4.21	Penilaian/ Pentaksiran Modul Membaca Sifir Fonik	256
4.22	Rekabentuk kulit muka depan modul	257

4.23	Susun Atur Modul Mengikut Pandangan Pakar	259
4.24	Aspek kemahiran yang perlu dimasukkan dalam sub modul BUKU 1: Asas Tulisan dan Pra Bacaan menurut pandangan pakar	260
4.25	Aspek kemahiran yang perlu dimasukkan dalam sub modul BUKU 2: Kemahiran Pemulihan 4 hingga 7 menurut pandangan pakar	261
4.26	Aspek kemahiran yang perlu dimasukkan dalam sub modul BUKU 3: Kemahiran Pemulihan 9 hingga 30 menurut pandangan pakar	262
4.27	Aspek kemahiran yang perlu dimasukkan dalam sub modul BUKU 4: Kemahiran Pemulihan 31 dan 32	262
4.28	Rumusan Aspek Kemahiran Modul Membaca Sifir Fonik menurut pandangan pakar.	263
4.29	Perbandingan 32 kemahiran membaca Pemulihan Khas dan 12 Konstruk LINUS dengan 5 Sifir Fonik	265
4.30	Latar Belakang Pakar	273
4.31	Nilai Min Setiap Konstruk	274
4.32	Komen Penilai Modul	275
4.33	Maklumat Peserta	279
4.34	Perbezaan Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Tahap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Guru	280
4.35	Perbezaan Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Tahap Pengetahuan Guru	281
4.36	Kemahiran Pengajaran guru tentang kemahiran membaca	282
4.37	Tahap Kebolehgunaan Pengguna Terhadap Modul	284
4.38	Penilaian Kepuasan Modul - Aspek Kandungan	285

4.39	Ciri-ciri mesra pengguna bagi aktiviti/ latihan Modul Sifir Fonik	287
5.1	Tahap penguasaan dan tafsiran umum kemahiran membaca	312

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal	34
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	38
2.1 Proses dalam reka bentuk pembinaan kit berdasarkan ADDIE	117
3.1 Model ADDIE	163
3.2 Kerangka Kajian	169
3.3 Pembangunan Modul Membaca Sifir Fonik	178
4.1 Ringkasan Dapatan Kajian Analisis Keperluan	228
4.2 Objektif Modul Membaca Sifir Fonik	244
4.3 Matlamat Modul Membaca Sifir Fonik	245
4.4 Cadangan Rancangan Pengajaran Harian	251
4.5 Penilaian/ Pentaksiran Modul Membaca Sifir Fonik	256
4.6 Rekabentuk kulit muka depan modul	258
4.7 Ringkasan Dapatan Data Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul	272
4.8 Contoh Aktiviti/ Latihan Modul Sifir Fonik	288

**SENARAI SINGKATAN**

2M	Membaca dan menulis
32 KP	32 kemahiran pemulihan
3M	Membaca, Menulis dan Mengira
4IR	Fourth Industrial Revolution
ADDIE	Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation
B40	Kumpulan Isi Rumah Terendah
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
CoV	Coronavirus
CVI	Content Validity Indeks
FDM	Fuzzy Delphi Method
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ICT	Teknologi maklumat dan komunikasi
IPA	International Phonetic Alphabets
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JPNP	Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
K	huruf Konsonan (b/c/d/f/g/h/j/k/l/m/n/p/q/r/s/t/v/w/x/y/z)





KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KGBK	Kaedah Gabungan Bunyi Perkataan
KIA2M	Program Kelas Intervensi Asas Membaca dan Menulis
KP	Kemahiran Pemulihan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LINUS	literasi dan numerasi
MER-CoV	Middle East Respiratory Syndrome-Related Coronavirus
MSF	Modul Sifir Fonik
MTM	Menguasai Tahap Minimum
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcara
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM 2013-2025	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
PROBIM	Program Bimbingan Matematik Asas Menengah Rendah
PROTIM	Program Kemahiran Mengira
PSE	Pembelajaran Sosial Dan Emosional
RBP	Reka Bentuk Dan Pembangunan
RPI	Rancangan Pengajaran Individu
SARS	Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus



SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
SJJC	Sekolah Jenis Kebangsaan China
SKM	Sekolah Kurang Murid
SKPMG2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang ke 2
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
SPSS	Statistical Package for Social Studies
SQ3R	Survey, Question, Read, Recite and Review
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
V	huruf Vokal (a/e/i/o/u)
VAKT	Visual Audio Kinesthetic Tactile



SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Fasa Analisis Keperluan (Guru Pemulihan Khas)
- B Soal Selidik Pusingan Dua Fuzzy Delphi
- C Senarai Pakar
- D Soal Selidik Penilaian Kesahan Modul MSF
- E Soal Selidik Pra/Pasca Fasa Pelaksanaan Dan Penilaian Modul MSF
- F Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
- G Surat Pelantikan Pakar
- H Pengesahan Instrumen
- I Transkrip Temu Bual Teknik Delphi Pusingan 1
- J Cadangan Rancangan Pengajaran Harian
- K Cadangan Jadual Waktu Pemulihan Khas
- L Modul Membaca Sifir Fonik (MSF)



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Murid Pemulihan Khas merupakan satu kumpulan murid yang lemah dan belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M), serta diberi bimbingan dan intervensi khusus dalam penguasaan Bahasa Melayu dan Matematik. Murid Pemulihan merujuk kepada mereka yang mengalami masalah pembelajaran dalam kemahiran-kemahiran tertentu, bersikap negatif terhadap pembelajaran, mempunyai masalah tingkah laku yang menjejaskan pencapaian akademik, serta kurang keyakinan terhadap proses pembelajaran (Roslan & Nurahimah, 2017). Mereka ditempatkan dalam Program Pemulihan Khas melalui sistem withdrawal, di mana mereka dikeluarkan daripada kelas arus perdana untuk mengikuti sesi pembelajaran intensif yang dikendalikan oleh guru Pemulihan Khas.

Disebabkan murid Pemulihan dikenali sebagai golongan yang lemah dalam sistem persekolahan, mereka perlu dibantu dengan pendekatan yang bersesuaian agar dapat memahami isi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, pendekatan, strategi dan kaedah yang digunakan untuk murid ini perlu berbeza daripada murid



biasa di kelas arus perdana (Nur Faizahton & Nur Azimah, 2023). Justeru, kekreatifan dan kebijaksanaan guru Pemulihan Khas amat diperlukan dalam menangani cabaran pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid ini (Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan, 2012). Dalam penyelidikan pembangunan ini, pengkaji berharap agar modul yang dihasilkan dapat memenuhi tahap pengetahuan dan keperluan guru secara praktikal dan berkesan.

Walaupun banyak kajian telah dijalankan berkaitan pembangunan modul pembelajaran, isu penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas masih belum menemui jalan penyelesaian yang tuntas (Mohd Sainain et al., 2020). Masalah ini berlarutan setiap tahun dan tidak menunjukkan penurunan yang signifikan. Data Laporan Tahunan 2015 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (PPPM 2013–2025) membuktikan terdapat penurunan peratusan murid Tahun Tiga yang menguasai kemahiran literasi Bahasa Melayu dalam Ujian Saringan LINUS dari tahun 2013 hingga 2015. Justeru, Program Pemulihan Khas diwujudkan sebagai satu bentuk intervensi bagi membantu murid arus perdana yang gagal menguasai kemahiran asas 3M.

Menurut Abd Aziz dan Abd Rahman (2018), masalah asas dalam sistem pendidikan negara ialah tahap penguasaan membaca yang masih rendah dalam kalangan kanak-kanak. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan, isu ini masih kompleks dan belum berjaya diselesaikan sepenuhnya. Antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini termasuklah kualiti modul pembelajaran yang ditawarkan di pasaran. Tidak semua modul direka bentuk secara berkesan dan disesuaikan dengan keperluan murid Pemulihan Khas (Narayanasamy & Mohamad Jaafar, 2024). Tambahan pula, kaedah pembelajaran turut memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesebuah modul (Ramlie et al., 2023). Penggunaan modul sahaja mungkin tidak mencukupi sekiranya tidak disertai dengan





pendekatan yang pelbagai, menarik dan sejajar dengan gaya pembelajaran kanak-kanak.

Di samping itu, faktor latar belakang sosioekonomi, keadaan keluarga dan minat membaca murid juga memberi kesan terhadap penguasaan kemahiran membaca. Menurut Agustina dan Rachmania (2023), persekitaran pembelajaran yang kondusif serta sokongan ibu bapa dan guru amat penting dalam merangsang minat membaca dalam kalangan kanak-kanak. Bagi menangani isu ini, pembangunan modul yang lebih inovatif dan sesuai dengan perkembangan kanak-kanak adalah amat penting (Rahman & Hamzah, 2021). Guru juga perlu diberikan latihan yang mencukupi agar mereka dapat melaksanakan modul dengan berkesan dan kreatif (Maufur, 2020). Di samping itu, kerjasama dengan ibu bapa serta penggunaan teknologi juga dapat meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran (Baharudin, Masnan & Zain, 2021). Penilaian berkala turut perlu dilaksanakan bagi mengukur keberkesanan modul dan kaedah pembelajaran yang digunakan (Nagasundram & Subramaniam, 2024).

Guru-guru Pemulihan Khas harus mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam terhadap potensi dan keperluan pelajar mereka. Pelaksanaan PdP yang efektif amat bergantung kepada pemahaman guru terhadap kandungan pengajaran, keperluan murid, penyediaan bahan bantu, serta strategi pengajaran yang sesuai. Kurikulum Bahasa Melayu juga telah mengalami perubahan yang menekankan keperluan penguasaan kemahiran membaca sebelum murid memasuki Tahun 1 (Awang, 2020).

Menurut laporan Asia and Pacific Programme of Educational Innovation for Development (1987), pengajaran pemulihan ialah satu proses di mana murid yang menghadapi masalah pembelajaran diberikan pendekatan praktikal dan program yang efektif. Pekeliling Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KP





(BS) 8502/5/Pk/Jld. V (26), 1986) turut mendefinisikan pengajaran pemulihan sebagai satu usaha untuk mengatasi masalah pembelajaran murid lemah di sekolah rendah, khususnya dalam penguasaan asas membaca, menulis dan mengira, dan dijalankan oleh guru terlatih dalam bidang Pemulihan Khas.

Pada tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah disemak semula sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025. Inisiatif ini turut merangkumi penilaian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) serta pelaksanaan Program LINUS untuk meningkatkan literasi dan numerasi murid. Walau bagaimanapun, program tersebut telah dimansuhkan pada tahun 2019. Kini, pihak sekolah diberi kuasa untuk merangka pelaksanaan program literasi dan numerasi yang bersesuaian mengikut keperluan murid (KPM, 2019). Maka, pembangunan modul pengajaran yang sistematik dan relevan sangat penting bagi menyokong guru Pemulihan Khas, khususnya yang bukan opsyen, untuk melaksanakan pengajaran membaca dengan lebih yakin.

Kemahiran membaca merupakan asas penting dalam pembentukan pengetahuan dan kefahaman. Membaca bukan sahaja melibatkan pengecaman simbol dan bunyi, malah menuntut keupayaan untuk memahami maksud kandungan bacaan (Jamian, 2021). Proses membaca merupakan satu interaksi yang dinamik antara pembaca dan penulis melalui teks. Ia turut melibatkan pengalaman, gaya kognitif dan penguasaan bahasa. Oleh itu, pengajaran membaca yang berkesan mesti mengambil kira keupayaan psikologi dan bahasa murid (Hasnalee & Zulkifley, 2011).

Untuk mencapai matlamat penguasaan kemahiran membaca dalam Program Pemulihan Khas, kaedah pengajaran perlu disesuaikan dengan minat dan keupayaan pelajar. Ramai murid pemulihan tidak menguasai kemahiran membaca melalui kaedah konvensional kerana mereka tidak dapat mengenal abjad atau menyebut huruf secara





abstrak. Maka, penggunaan bahan maujud dan perkataan bermakna perlu diketengahkan (Roslan Chin & Nurahimah Yusoff, 2017). Selain itu, walaupun ada murid yang boleh membaca, mereka masih tidak memahami isi bacaan dengan berkesan, menunjukkan masalah pemahaman turut menjadi cabaran dalam kemahiran membaca (Jamian, 2020).

Dalam pelaksanaan Program Pemulihan Khas, guru perlu menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai. Terdapat empat proses penting dalam pembinaan bahan iaitu memilih, memproses, membina dan menggunakannya. Proses ini boleh menjadi beban kepada guru, terutamanya apabila tiada sumber sedia ada yang sesuai (Nurul Haniza Samsudin, 2017).

Sehubungan itu, pembangunan modul ini bertujuan untuk meningkatkan efikasi guru Pemulihan Khas dalam mengajar kemahiran membaca. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk model ADDIE serta menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi Method* (FDM) bagi mendapatkan konsensus daripada tiga kategori pakar: pakar bahasa, guru pemulihan berpengalaman (10 tahun ke atas), dan profesional dalam bidang Pemulihan Khas. Modul ini memberi penekanan kepada kaedah pengecaman suku kata serta hafalan suku kata yang terpilih, selain turut menerapkan kaedah fonetik sebagai panduan sistematik kepada guru.

Modul yang dibangunkan merangkumi pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang disesuaikan dengan kemahiran murid serta selaras dengan Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas (KPM, 2019). Modul ini juga diselaraskan dengan kandungan dan standard pengajaran buku teks Bahasa Melayu mengikut tahun persekolahan.





Kesan pandemik COVID-19 turut menambah cabaran terhadap penguasaan membaca dalam kalangan murid, terutamanya murid Tahun 1 dan prasekolah yang tidak mendapat pembelajaran bersemuka dalam tempoh yang lama (Hamid, 2020). Menurut Norzalina (2020), sesi persekolahan yang singkat akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ramai murid ketinggalan dalam menguasai kemahiran membaca dan mengeja dengan lancar.

Pembangunan Modul MSF dilihat sebagai satu alternatif yang baik kepada guru-guru Pemulihan Khas yang ingin menerapkan pendekatan konstruktif, kreatif dan inovatif dalam pengajaran mereka. Diharapkan modul ini dapat menjadi panduan yang berkesan bagi guru Pemulihan Khas dalam merancang pengajaran secara sistematik, sekaligus membantu murid menguasai kemahiran membaca secara efektif, seiring dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menjamin hak pendidikan kepada semua.



1.2 Latar belakang kajian

Kemahiran membaca merupakan komponen asas dalam literasi yang menjadi kunci utama kejayaan murid dalam proses pembelajaran. Menurut kajian Saud, Amzah dan Osman (2024), kegagalan menguasai kemahiran ini memberi kesan langsung terhadap pencapaian akademik dan keyakinan diri murid. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program Pemulihan Khas bagi membantu murid yang tidak menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) selepas berada di Tahap Dua sekolah rendah. Program ini dilaksanakan oleh guru Pemulihan Khas yang telah dilatih khusus untuk



mengendalikan murid yang memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih tersusun, sistematik dan bersesuaian (KPM, 2019).

Walaupun pelaksanaan Program Pemulihan Khas telah berjalan sekian lama, isu penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid yang mengikuti program ini masih kekal sebagai satu cabaran pendidikan (Ying & Mahamod, 2024). Beberapa faktor telah dikenalpasti menyumbang kepada permasalahan ini, antaranya ialah kekurangan bahan pengajaran yang bersesuaian dan berkesan, khususnya modul pengajaran yang direka khas untuk keperluan murid Pemulihan Khas (Yusri, Zainal & Ismail, 2024). Modul pengajaran yang sistematik dan terancang dapat berperanan sebagai panduan struktur kepada guru dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Walau bagaimanapun, menurut kajian Ramlan, Mohamma dan Mahamod (2025), modul sedia ada sering kali tidak menepati keperluan sebenar murid Pemulihan yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan, justeru memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih bersifat individualistik dan berperingkat (berfasa).

Tambahan pula, guru Pemulihan Khas turut berdepan dengan pelbagai kekangan lain seperti keterbatasan masa, beban tugas yang tinggi, serta kurangnya latihan profesional secara berterusan yang dapat meningkatkan kemahiran dan keberkesanan penggunaan modul dalam pengajaran (Selvam, 2024). Menurut kajian Jouse, Jamaludin dan Mansor (2024), situasi ini telah menyebabkan ramai guru terpaksa merangka bahan pengajaran sendiri atau mengubah suai bahan sedia ada tanpa panduan yang jelas. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan beban kerja guru, malah berisiko menjejaskan keberkesanan intervensi pengajaran dan seterusnya mempengaruhi pencapaian murid dalam menguasai kemahiran membaca.



Sehubungan itu, keperluan terhadap pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca yang bersesuaian, sistematik dan mudah digunakan oleh guru Pemulihan Khas menjadi sangat penting (Ibrahim et al., 2024). Kajian ini dijalankan untuk meneliti isu berkaitan penggunaan modul oleh guru Pemulihan Khas serta mengenal pasti keperluan mereka terhadap modul pengajaran membaca yang mesra pengguna dan berkesan. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan input berguna kepada pihak berkepentingan dalam usaha memperkasa kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam Program Pemulihan Khas di Malaysia.

Murid Pemulihan Khas merupakan golongan pelajar yang belum menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi, termasuk kemahiran membaca yang menjadi asas kepada penguasaan ilmu pengetahuan (Jamian, 2021). Masalah dalam penguasaan membaca masih belum dapat ditangani sepenuhnya hingga kini. Kemahiran membaca perlu dikuasai sejak peringkat awal pendidikan sekolah rendah dan menengah (Yahya Othman, 2016). Oleh itu, penggunaan modul dan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan dapat memberikan impak besar kepada guru dan murid dalam program ini. Murid Pemulihan Khas juga perlu diberi galakan dan persepsi positif terhadap pembelajaran agar mereka percaya bahawa kemahiran membaca bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dikuasai (Wan Azri Sham, 2018).

Transformasi dalam pendekatan pengajaran murid Pemulihan Khas perlu dilaksanakan bagi memastikan amalan pengajaran yang lebih berkesan dapat diwujudkan. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) menunjukkan bahawa sehingga 31 Oktober 2020, seramai 3218 murid Tahun Satu tidak menguasai kemahiran membaca, iaitu bersamaan dengan 25% daripada keseluruhan 9400 murid yang mengikuti Program Pemulihan di negeri tersebut pada tahun berkenaan.





Berdasarkan data terkini yang diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, sehingga 30 Oktober 2024, seramai 122,062 murid Tahun Satu, atau 27.24% daripada 448,113 murid yang disaring, dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M) selepas tiga bulan memasuki sesi akademik 2024/2025. (Khalis Khadir, 2024).

Menurut Nur Iftitah Rozlan (2024), murid-murid ini telah mengikuti Program Intervensi Tahun Satu Fasa Pertama dari Julai hingga September 2024. Hasilnya, 48,308 murid (39.58%) berjaya menguasai kemahiran asas 3M dan kembali ke kelas biasa. Baki 73,754 murid (60.42%) meneruskan intervensi dalam Fasa Kedua dari Oktober hingga Disember 2024. Daripada jumlah tersebut, sehingga 31 Januari 2025, seramai 24,077 murid (32.65% daripada baki) berjaya menguasai kemahiran asas 3M melalui intervensi Fasa Kedua. Bagi murid yang masih belum menguasai kemahiran asas 3M selepas kedua-dua fasa intervensi, mereka akan mengikuti Program Pemulihan Khas di Tahun Dua, yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas, bagi memastikan bimbingan intensif disesuaikan mengikut keperluan mereka. Peningkatan jumlah murid Pemulihan memerlukan guru untuk mengambil inisiatif proaktif, termasuk melakukan pengubahsuaian dalam pengajaran agar bertepatan dengan keperluan dan tahap murid (Jamian, 2021).

Selaras dengan objektif kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada usaha menghasilkan sebuah modul kemahiran membaca yang lebih berstruktur, berfokus dan mesra pengguna khusus untuk kegunaan guru Pemulihan Khas. Penekanan terhadap penguasaan kemahiran membaca adalah penting kerana kemahiran ini merupakan prasyarat utama dalam proses pemindahan dan penerimaan ilmu (Monnas, 2018). Falsafah Pendidikan Kebangsaan turut menekankan kepentingan literasi asas dalam kalangan murid sebagai sebahagian daripada asas pendidikan yang menyeluruh. Peningkatan kesedaran terhadap keperluan untuk menguasai





kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) dalam kalangan murid yang akan meninggalkan alam persekolahan semakin kritikal, kerana kegagalan dalam menguasainya boleh menjejaskan kemampuan murid untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan seharian (KPM, 2013).

Penggunaan modul pengajaran dan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan kebolehan murid amat penting bagi menjadikan aktiviti membaca lebih berkesan dan bermakna. Di samping itu, permasalahan penguasaan membaca dapat diperbaiki melalui perancangan aktiviti pengajaran yang menarik dan kondusif oleh guru (Jamian, 2016). Guru perlu menyediakan perancangan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang terperinci bagi menetapkan objektif pembelajaran secara konkrit, menyusun objektif mengikut tahap penguasaan murid, serta memilih BBM yang sesuai dan efektif. Kajian turut menunjukkan bahawa guru kerap bergantung kepada BBM seperti buku teks, buku rujukan, kertas edaran, gambar dan kemudahan komputer. Oleh itu, pemahaman guru terhadap konsep pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran sangat penting untuk memastikan keberkesanan PdPc (Chong et al., 2017).

Wabak COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2019 turut memberi impak besar kepada sistem pendidikan. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan sekolah ditutup dan guru tidak dibenarkan mengajar secara bersemuka, sebaliknya perlu melaksanakan PdP dari rumah (KPM, 2020). Dalam konteks ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan sosial dan pembelajaran anak-anak, khususnya murid Pemulihan Khas semasa PdPR (Jaafar, Zain & Eshak, 2020). Namun begitu, kekangan dari segi akses kepada peranti digital dan internet menyebabkan pembelajaran dalam talian sukar dilaksanakan bagi murid Pemulihan, justeru penggunaan modul bercetak menjadi salah satu kaedah alternatif





yang relevan dan berkesan jika dirancang secara sistematik (Rohaida et al., 2020; KPM, 2020).

Kaedah pengajaran tradisional yang masih banyak diamalkan di sekolah turut menjadi isu, terutamanya dalam konteks pengajaran membaca yang berasaskan hafalan dan penggunaan kad bacaan yang sama kepada semua murid (Suppiah et al., 2018). Kaedah ini menyebabkan murid hanya memperoleh kemahiran membaca yang terhad. Tambahan pula, guru menghadapi kekangan masa dan kewangan dalam menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang lebih berpusatkan murid dan bersifat intervensi perlu dilaksanakan.

Kajian-kajian antarabangsa turut menunjukkan bahawa intervensi pengajaran membaca yang sistematik mampu meningkatkan kecekapan membaca. Sebagai contoh, kajian di China menunjukkan bahawa latihan membaca pantas secara senyap dapat meningkatkan kadar kelajuan dan pencapaian membaca murid sekolah rendah (Tao Gao et al., 2017). Sementara itu, kajian di Finland mendapati bahawa kesukaran dalam membaca dengan lancar dan dalam pemahaman memberi kesan terhadap motivasi pelajar dalam mata pelajaran lain seperti matematik dan sains (Torppa et al., 2018).

Bagi merealisasikan kajian ini, pembangunan modul pengajaran yang sistematik dan berasaskan bukti perlu dilaksanakan secara teliti, khususnya dalam pendekatan berpusatkan murid. Penggunaan pendekatan pengajaran masteri dalam modul dijangka dapat meningkatkan penguasaan membaca secara signifikan berbanding pendekatan konvensional (Abdull Sukor & Kalaidevi, 2012). Modul ini akan mengintegrasikan dua pendekatan utama, iaitu kaedah Sifir Bahasa dan kaedah Fonik. Kaedah Sifir Bahasa menekankan pemahaman suku kata melalui pendekatan kinestetik menggunakan jari sebagai alat bantu, dan didapati berkesan dalam



membantu murid yang menghadapi kesukaran memotong atau mengecam suku kata (Roslan Chin, 2016).

Modul yang akan dibangunkan turut mengandungi bahan bantu seperti carta suku kata, bacaan bergred, latihan serta ujian saringan. Pembinaan bahan-bahan ini akan mengikuti proses pemilihan, pengolahan dan pembangunan mengikut spesifikasi pedagogi yang sesuai dengan keperluan murid Pemulihan Khas. Selain itu, kandungan pembelajaran akan disusun mengikut peringkat, bermula daripada mengenal huruf, membaca suku kata, membina perkataan sehingga memahami struktur ayat dan konteks tatabahasa (Nurul Haniza et al., 2018). Pelaksanaan modul ini diharap dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran guru serta mempercepatkan penguasaan membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan Pemulihan Khas merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membantu murid-murid yang mengalami kesukaran dalam pembelajaran asas literasi dan numerasi, khususnya membaca, menulis dan mengira (3M). Walaupun pelbagai program telah dilaksanakan, prestasi penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas masih menunjukkan tahap yang membimbangkan (Mohd Azhar & Abdul Rasid, 2019). Perkara ini menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan serta kompetensi guru dalam menyampaikan pembelajaran yang sesuai dan berkesan kepada murid berkeperluan ini.



Salah satu isu utama yang menjejaskan keberkesanan pendidikan Pemulihan Khas adalah berkaitan dengan kompetensi guru, khususnya dalam aspek pedagogi membaca. Kajian menunjukkan bahawa masih terdapat guru Pemulihan Khas yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam pendekatan pengajaran bacaan yang bersesuaian dengan murid yang mempunyai masalah pembelajaran (Noor Aziah, 2020). Hal ini berpunca daripada latihan khusus yang kurang mencukupi, serta kurangnya peluang pembangunan profesional secara berterusan.

Guru-guru Pemulihan Khas juga menghadapi kekangan dari segi beban tugas dan kekurangan masa untuk menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid. Menurut kajian oleh Hamidah et al. (2021), ramai guru mengakui bahawa mereka terpaksa menggunakan bahan sedia ada yang tidak disesuaikan dengan tahap keupayaan murid kerana kekangan masa dan sumber.

Keadaan ini menyebabkan pengajaran menjadi kurang efektif dan tidak mampu memenuhi keperluan pembelajaran individu.

Selain itu, terdapat guru yang tidak mempunyai latar belakang khas dalam pendidikan pemulihan, tetapi ditugaskan untuk mengajar murid-murid Pemulihan Khas. Ini menimbulkan cabaran besar kerana mereka kurang didedahkan kepada teori pembelajaran murid berkeperluan khas, serta strategi pengajaran yang efektif untuk kemahiran membaca asas (Rohana, 2018). Tanpa pengetahuan yang mencukupi, guru cenderung menggunakan kaedah tradisional seperti bacaan berulang dan ejaan tanpa memahami pendekatan fonik, sintaksis atau semantik yang penting dalam pembelajaran bacaan.

Tambahan pula, sokongan dan bimbingan profesional kepada guru juga masih kurang. Kajian oleh Yahya dan Mohd Fadzil (2022) mendapati bahawa guru Pemulihan Khas sering beroperasi secara bersendirian tanpa komuniti sokongan





profesional yang boleh membantu mereka berbincang, berkongsi strategi atau mendapatkan maklum balas. Ketiadaan jaringan sokongan ini menyebabkan mereka sukar menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan keperluan murid yang pelbagai.

Kemahiran membaca merupakan komponen asas dalam literasi awal dan menjadi tonggak utama kejayaan pembelajaran murid di peringkat rendah (Narayanasamy & Jaafar, 2024). Namun, realiti pendidikan menunjukkan bahawa sebilangan murid masih gagal menguasai kemahiran membaca asas walaupun telah menjalani beberapa tahun pendidikan formal. Murid-murid ini biasanya dirujuk ke Program Pemulihan Khas yang dikendalikan oleh guru khusus bagi membantu mereka melalui pendekatan intervensi yang lebih sistematik (Mohtar & Khairuddin, 2023).

Walau bagaimanapun, guru Pemulihan Khas berdepan dengan pelbagai kekangan, antaranya kekurangan bahan bantu mengajar dan modul pengajaran membaca yang sistematik, berstruktur, serta sesuai dengan keperluan murid. Kajian Norok & Khairuddin (2022) serta Tokiman & Zubir (2024) mendapati bahawa modul sedia ada bersifat umum, tidak mengambil kira keperluan individu murid, dan kurang menitikberatkan pendekatan pedagogi yang sesuai bagi murid berkeperluan khas pembelajaran. Akibatnya, guru sering menghasilkan bahan pengajaran sendiri secara ad hoc yang mungkin tidak menepati objektif pembelajaran dengan efektif (Ning & Rusli, 2025).

Tambahan pula, kekangan masa, beban tugas yang tinggi serta kurangnya latihan terhadap penggunaan modul inovatif turut membantutkan keberkesanan pengajaran. Menurut Ahmad (2020) dan Noraini (2022), guru Pemulihan memerlukan modul yang mudah digunakan, fleksibel, dan boleh disesuaikan mengikut tahap kebolehan murid yang pelbagai.





Statistik juga menunjukkan keperluan mendesak terhadap intervensi yang lebih efektif. Menurut PPPM 2013–2025, seramai 27,093 murid sekolah rendah masih belum menguasai kemahiran membaca. Laporan Astro Awani (2023) pula melaporkan bahawa 13% (175,304) murid di akhir tahap sekolah rendah tidak boleh membaca, manakala 1.01 juta rakyat Malaysia (5.03%) masih rendah tahap literasinya.

Kajian juga menunjukkan bahawa faktor yang menyumbang kepada masalah ini bukan sahaja berpunca daripada kelemahan murid, tetapi juga pendekatan pengajaran yang tidak sesuai, faktor persekitaran, dan kekangan sumber bahan. Kajian Mahamod et al. (2021) menunjukkan murid daripada keluarga B40 merentas kaum mengalami tahap penguasaan membaca dan menulis yang sangat rendah. Murid dari kumpulan ini sering menunjukkan kesulitan memahami isi bacaan dan menyatakan semula maklumat dengan berkesan (Jamian, 2021).



Program seperti LINUS telah diperkenalkan untuk menangani masalah penguasaan membaca, namun konstruk penilaiannya dilihat masih terlalu umum dan tidak cukup terperinci untuk dijadikan panduan pengajaran harian (Kasim, 2021). Buku Panduan Program Pemulihan Khas (KPM, 2019) menyenaraikan 32 kemahiran asas Bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh murid, namun modul yang tersedia sering kali memuatkan terlalu banyak kemahiran tanpa penyesuaian mengikut aras murid (Chew & Amir, 2023).

Guru Pemulihan juga berhadapan cabaran dalam mendapatkan bahan rujukan yang berkualiti dan sahih. Menurut Roslin Francis dan Adenan Ayob (2019), kekurangan bahan rujukan standard menyebabkan guru bergantung pada bahan komersial yang tidak diuji secara empirikal. Ini menjejaskan kesahan kandungan serta keberkesanan pedagogi bahan yang digunakan.





Kekurangan modul yang komprehensif – merangkumi objektif pembelajaran, kaedah pengajaran, aktiviti, latihan, dan pentaksiran – telah menyukarkan guru melaksanakan pengajaran secara sistematik dan menyeluruh. Kajian M. Kaviza (2019) dan Palaniandy & Yasin (2021) menyarankan keperluan membangunkan modul bacaan yang terancang, berstruktur dan mesra pengguna sebagai panduan pelaksanaan PdP yang lebih berkesan.

Tambahan pula, faktor murid seperti kekurangan motivasi, gaya pembelajaran yang pelbagai, serta kekangan sokongan di rumah turut mempengaruhi penguasaan membaca (Ahmad et al., 2021; Jawan & Mahamod, 2021). Oleh itu, bahan pengajaran yang menyeronokkan, mudah digunakan dan sesuai dengan keperluan pembelajaran murid sangat diperlukan.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti amalan pengajaran kemahiran membaca serta membangunkan satu modul pengajaran membaca Bahasa Melayu yang sistematik, mesra murid dan praktikal. Modul ini diharapkan dapat memberi panduan yang jelas kepada guru Pemulihan Khas dan menjadi alat bantu yang berkesan dalam meningkatkan penguasaan membaca murid secara menyeluruh dan berkesan.

Murid Pemulihan Khas yang terlibat dalam program ini kebiasaannya mengalami masalah yang kompleks dan berlapis-lapis dari aspek kognitif, emosi, dan sosial. Masalah utama yang dikenal pasti ialah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca walaupun telah berada di tahap pertengahan persekolahan rendah (Ismail & Suriani, 2021). Hal ini bukan sahaja menghalang perkembangan akademik mereka, malah memberi kesan negatif terhadap harga diri dan motivasi untuk belajar.





Sebahagian besar murid dalam program Pemulihan Khas didapati mengalami kesukaran dalam memproses maklumat fonetik dan mengenal huruf, suku kata dan perkataan. Mereka memerlukan pengajaran yang sangat khusus, berstruktur, dan berulang dengan penekanan kepada strategi pengajaran individu. Namun begitu, kekurangan bahan bantu mengajar yang bersesuaian menjadikan pengajaran kurang menarik dan tidak dapat mengekalkan tumpuan murid (Sharifah & Wan Marzuki, 2020).

Masalah penguasaan kosa kata dan kefahaman bacaan juga turut dikenalpasti sebagai punca kegagalan dalam penguasaan membaca. Murid tidak dapat memahami apa yang dibaca kerana mereka hanya menghafal tanpa memahami maksud perkataan atau ayat tersebut (Noraini, 2022). Keadaan ini menyebabkan mereka cepat bosan, berasa gagal dan akhirnya hilang minat untuk belajar.



Tambahan pula, sebahagian murid Pemulihan Khas menunjukkan tingkah laku yang menolak penglibatan dalam aktiviti membaca kerana pengalaman kegagalan yang berterusan dalam kelas biasa. Keadaan ini menimbulkan cabaran kepada guru untuk membina semula motivasi dan keyakinan murid terhadap kebolehan mereka. Tanpa pendekatan pengajaran yang bersifat pemulihan, murid ini berisiko tercicir sepenuhnya daripada sistem pendidikan arus perdana (Latipah et al., 2017).

Faktor latar belakang keluarga juga memainkan peranan yang besar dalam menyumbang kepada masalah penguasaan membaca. Kajian menunjukkan bahawa sokongan ibu bapa terhadap aktiviti pembelajaran di rumah, khususnya membaca, sangat rendah dalam kalangan murid Pemulihan Khas. Ini disebabkan oleh tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, kekangan masa, atau kurangnya kesedaran terhadap kepentingan membaca (Zamri et al., 2020).





Modul pengajaran merupakan satu instrumen penting dalam membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran yang sistematik dan berkesan. Namun begitu, satu daripada cabaran utama dalam program Pemulihan Khas adalah ketiadaan modul pengajaran membaca yang bersifat spesifik, tersusun dan sesuai untuk keperluan murid yang menghadapi kesukaran membaca. Kajian oleh Fadzilah dan Rahimah (2019) menunjukkan bahawa kebanyakan bahan pengajaran yang digunakan dalam kelas Pemulihan Khas tidak dibangunkan secara berstruktur berdasarkan tahap kesediaan dan gaya pembelajaran murid.

Modul yang ada kebanyakannya berbentuk umum dan tidak menumpukan kepada aspek pembangunan kemahiran membaca secara sistematik. Tiada panduan eksplisit untuk guru menjalankan aktiviti bacaan berdasarkan prinsip pembelajaran fonologi, morfologi dan sintaksis secara berperingkat. Hal ini menyebabkan guru sukar untuk menyampaikan isi kandungan dengan berkesan, seterusnya memberi impak negatif terhadap pencapaian murid (Noraini et al., 2022).

Selain itu, tiada penyelarasan atau piawaian modul pengajaran di peringkat kebangsaan menyebabkan wujudnya jurang dari segi kualiti dan keberkesanan pengajaran antara sekolah. Setiap guru terpaksa membina sendiri bahan atau modul berdasarkan kefahaman dan kreativiti masing-masing, yang kadangkala tidak menepati pendekatan pedagogi yang berkesan. Ketidakselarasan ini menimbulkan isu ketidakwajaran dalam penilaian kemajuan murid di seluruh negara (Hamidah et al., 2021).

Tambahan pula, kebanyakan modul sedia ada tidak menyepadukan elemen teknologi, permainan pendidikan atau bahan multimedia yang boleh membantu meningkatkan motivasi dan tumpuan murid dalam proses membaca. Ini menjadikan





pengajaran kaku dan tidak menarik, terutamanya bagi murid yang memerlukan pendekatan visual dan kinestetik (Sharifah & Wan Marzuki, 2020).

Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas yang penting bagi membolehkan murid menguasai bidang akademik lain (Ismail et al., 2021). Namun, statistik semasa menunjukkan masalah penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah masih berada pada tahap membimbangkan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2024), seramai 122,062 murid Tahun Satu belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M) selepas tiga bulan memasuki sesi akademik 2024/2025, iaitu 27.24% daripada keseluruhan 448,113 murid. Data ini menunjukkan bahawa masalah penguasaan membaca masih menjadi cabaran utama dalam pendidikan awal kanak-kanak, termasuk di negeri Pahang.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, antaranya Program Pemulihan Khas, penyediaan Buku Panduan Pemulihan Khas (2012), dan latihan berterusan melalui Institut Pendidikan Guru (IPG), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Namun, kajian terdahulu (Jamaludin & Ahmad, 2015; Nur Faizahton & Nur Azimah, 2023) mendapati sebahagian besar guru Pemulihan Khas tidak mendapat latihan khusus dalam pengajaran kemahiran membaca, dan hanya bergantung kepada bahan rujukan sedia ada seperti Internet, Facebook, dan Telegram yang didapati kurang berkesan.

Kajian juga menunjukkan bahawa guru Pemulihan Khas menghadapi cabaran dalam aspek pedagogi, khususnya dalam penggunaan strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap murid Pemulihan Khas (Josephine et al., 2024). Modul-modul sedia ada tidak disusun secara sistematik berdasarkan 32 Kemahiran Pemulihan Khas yang digariskan dalam Buku Panduan Pemulihan Khas (KPM, 2019), malah kurang





mesra pengguna dan tidak diuji secara empirik untuk memastikan keberkesanannya dalam konteks pengajaran sebenar di bilik darjah.

Selain itu, kebanyakan modul yang tersedia lebih berfokus kepada bahan digital dan aplikasi teknologi seperti ICT (Kamisah & Rohaty, 2012), aplikasi mudah alih (Maszuraini & Hamed, 2015), dan bahan digital (Roslin & Adenan, 2019). Bahan bercetak berbentuk buku yang sesuai untuk guru Pemulihan Khas masih kurang dibangunkan, sedangkan bahan bercetak memainkan peranan penting sebagai sumber utama dalam pembelajaran asas membaca (Marima, 2016). Tambahan pula, guru Pemulihan Khas memerlukan bahan rujukan yang mudah digunakan, bersifat praktikal, dan relevan dengan konteks PdPc di sekolah rendah.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menangani jurang kajian (research gap) yang wujud, iaitu ketiadaan modul bercetak yang lengkap dan tersusun untuk pengajaran kemahiran membaca berdasarkan 32 Kemahiran Pemulihan Khas. Modul sedia ada juga tidak diuji secara empirikal dalam kalangan guru Pemulihan Khas di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk membangunkan Modul Sifir Fonik (MSF) yang mesra pengguna, berteraskan teori pembelajaran, dan disesuaikan dengan keperluan sebenar guru Pemulihan Khas dan murid mereka.

Justeru, pembangunan satu modul pengajaran membaca yang bersifat sistematik, kontekstual, mesra murid, dan disokong oleh teori pembelajaran kontemporari amat diperlukan. Modul ini perlu mengandungi panduan pengajaran langkah demi langkah, aktiviti berfokus, latihan berperingkat dan penilaian formatif yang boleh membantu guru merancang pengajaran dengan lebih berkesan. Modul juga perlu disesuaikan dengan tahap perkembangan murid, gaya pembelajaran serta mengambil kira faktor emosi dan motivasi murid Pemulihan Khas.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Membaca Sifir Fonik (MSF) sebagai satu modul pengajaran membaca yang direka khusus untuk digunakan oleh 130 orang guru Pemulihan Khas. Modul ini dibangunkan bagi membantu guru-guru Pemulihan Khas yang menghadapi kesukaran mendapatkan bahan pengajaran membaca yang bersifat sistematik, praktikal, dan sesuai dengan tahap keupayaan murid pemulihan.

Pemerhatian awal mendapati bahawa modul atau buku sedia ada telah menyediakan garis panduan secara umum, namun guru masih perlu menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian mengikut tahap penguasaan murid semasa proses PdPc. Oleh itu, tidak wajar untuk meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana penyediaan modul khusus yang memenuhi keperluan murid adalah bergantung kepada kebijaksanaan dan inisiatif guru dalam menyusun pengajaran yang lebih berkesan. Justeru, keperluan terhadap satu modul yang lebih tersusun, mudah digunakan, dan selaras dengan tahap penguasaan murid adalah sangat penting bagi menyokong keberkesanan proses pemulihan.

Bagi mencapai matlamat utama kajian ini, penyelidikan akan dilaksanakan dalam tiga fasa utama, iaitu:

Fasa I: Analisis Keperluan

Fasa ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan terhadap modul pengajaran membaca dan menulis dalam kalangan murid Pemulihan Khas. Analisis keperluan ini melibatkan pengumpulan maklumat mengenai tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan pengajaran guru dalam mengendalikan kemahiran membaca. Data daripada





fasa ini akan dijadikan asas kepada pembinaan modul yang relevan dan memenuhi keperluan sebenar di lapangan.

Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam fasa ini, modul pengajaran kemahiran membaca akan dibina berasaskan maklumat dan dapatan daripada Fasa I. Modul yang dibangunkan akan melalui proses reka bentuk yang teliti dengan mengambil kira teori pembelajaran, strategi pengajaran bacaan yang berkesan, serta kesesuaian kandungan dengan tahap keupayaan murid Pemulihan Khas. Tujuan utama fasa ini ialah untuk menghasilkan sebuah modul yang berstruktur, berfasa, dan mudah diguna pakai oleh guru.

Fasa III: Pelaksanaan dan Penilaian



Fasa terakhir kajian melibatkan pelaksanaan modul dalam kalangan guru Pemulihan Khas yang terlibat, diikuti dengan penilaian kebolegunaan modul tersebut. Penilaian ini bertujuan untuk menilai aspek keberkesanan, kebolehlaksanaan dan penerimaan guru terhadap modul MSF dalam konteks pengajaran harian mereka. Dapatan daripada fasa ini akan digunakan untuk menambah baik modul agar lebih mantap dan relevan untuk kegunaan jangka panjang.

Secara keseluruhannya, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan sumber pengajaran yang lebih efektif dan relevan bagi membantu murid Pemulihan Khas menguasai kemahiran membaca dengan lebih berkesan. Modul MSF yang dihasilkan juga diharap dapat menjadi satu instrumen sokongan yang berguna untuk guru-guru Pemulihan Khas dalam menjalankan intervensi pembelajaran literasi yang berfokus dan bermakna.





1.5 Objektif Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian ini, beberapa objektif khusus telah ditetapkan mengikut tiga fasa kajian, iaitu:

1.5.1 Fasa Analisis Keperluan

1.5.1.1 Mengenal pasti keperluan Guru Pemulihan Khas untuk mendapatkan data bagi menghasilkan modul Membaca Sifir Fonik (MSF).

1.5.1.2 Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pemulihan Khas tentang pengajaran kemahiran membaca.

1.5.1.3 Mengenal pasti tahap kemahiran guru Pemulihan Khas tentang pengajaran kemahiran membaca.

1.5.2 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

1.5.2.1 Mengenal pasti reka bentuk dan pembangunan Modul Sifir Fonik (MSF) yang memfokuskan kepada proses yang melibatkan beberapa fasa secara sistematik dan disokong oleh pandangan pakar dalam bidang Pemulihan Khas.

1.5.2.2 Mengenal pasti objektif modul MSF yang sesuai mengikut pandangan pakar.



1.5.2.3 Mengenal pasti isi kandungan modul MSF yang sesuai mengikut pandangan pakar.

1.5.2.4 Mengenal pasti kaedah penyampaian modul MSF yang sesuai mengikut pandangan pakar.

1.5.2.5 Mengenal pasti aktiviti/ latihan modul MSF yang sesuai mengikut pandangan pakar.

1.5.2.6 Mengenal pasti kaedah penilaian modul MSF yang sesuai mengikut pandangan pakar.

1.5.3 Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

1.5.3.1 Mengenal pasti penilaian kesahan modul MSF menurut pakar.

1.5.3.2 Mengenal pasti pelaksanaan dan kebolegunaan modul MSF untuk Guru Pemulihan Khas tentang kemahiran membaca.

1.5.3.3 Mengenal pasti kesan modul MSF terhadap pengetahuan Guru Pemulihan Khas.

1.5.3.4 Mengenal pasti kesan modul MSF terhadap kemahiran Guru Pemulihan Khas.

1.5.3.5 Mengenal pasti tahap kepuasan Guru Pemulihan Khas terhadap modul MSF.



1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, maka persoalan kajian yang dibina mengikut tiga fasa yang terlibat adalah seperti berikut:

1.6.1 Fasa Analisis Keperluan

1.6.1.1 Apakah pandangan guru Pemulihan Khas terhadap keperluan modul pengajaran kemahiran membaca untuk murid Pemulihan Khas?

1.6.1.2 Apakah tahap pengetahuan guru Pemulihan Khas tentang pengajaran kemahiran membaca?

1.6.1.3 Apakah tahap kemahiran guru Pemulihan Khas tentang pengajaran kemahiran membaca?

1.6.2 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

1.6.2.1 Apakah reka bentuk dan pembangunan Modul Sifir Fonik (MSF) yang memfokuskan kepada proses yang melibatkan beberapa fasa secara sistematik dan disokong oleh pandangan pakar dalam bidang Pemulihan Khas?

1.6.2.2 Apakah objektif modul MSF tentang kemahiran membaca yang sesuai menurut pandangan pakar?



1.6.2.3 Apakah isi kandungan tentang kemahiran membaca dalam modul MSF yang sesuai menurut pandangan pakar?

1.6.2.4 Apakah kaedah penyampaian kemahiran membaca dalam modul MSF yang sesuai menurut pandangan pakar?

1.6.2.5 Apakah aktiviti/ latihan tentang kemahiran membaca dalam modul MSF yang sesuai menurut pandangan pakar?

1.6.2.6 Apakah kaedah penilaian dalam modul MSF yang sesuai menurut pandangan pakar?

1.6.3 Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

1.6.3.1 Apakah penilaian kesahan modul MSF menurut pakar?

1.6.3.2 Apakah pelaksanaan dan kebolegunaan MSF dalam pengajaran kemahiran membaca oleh guru Pemulihan Khas?

1.6.3.3 Apakah kesan modul MSF terhadap pengetahuan Guru Pemulihan Khas?

1.6.3.4 Apakah kesan modul MSF terhadap kemahiran Guru Pemulihan Khas?

1.6.3.5 Apakah tahap kepuasan Guru Pemulihan terhadap modul MSF?



1.7 Kepentingan Kajian

Mengajar kemahiran membaca kepada murid yang menghadapi masalah pembelajaran merupakan satu cabaran besar bagi para pendidik. Busri dan Mohammad (2021) menyatakan bahawa pengajaran kemahiran membaca kepada murid bermasalah pembelajaran adalah lebih mencabar berbanding murid biasa. Di Malaysia, guru Pemulihan Khas sering berdepan dengan situasi di mana mereka mengajar murid daripada pelbagai tahap keupayaan dalam satu bilik darjah, walaupun murid-murid tersebut belum ditempatkan secara rasmi ke dalam kelas Pendidikan Khas. Keadaan ini menambahkan lagi beban tugas guru serta mengurangkan keberkesanan intervensi pengajaran. Justeru, pengkaji mengambil inisiatif untuk membangunkan satu modul pengajaran membaca yang berstruktur, iaitu Modul Membaca Sifir Fonik (MSF), bagi membantu guru Pemulihan Khas mengatasi cabaran ini.



Melalui hasil kajian ini, modul yang dibangunkan dijangka dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru Pemulihan Khas dalam menyampaikan pengajaran kemahiran membaca dengan lebih berkesan. Latihan dan bimbingan yang disediakan menerusi modul ini akan membantu guru dalam perkhidmatan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran membaca yang tepat kepada murid Pemulihan Khas. Seperti yang dinyatakan oleh Hanifah Sabin, Vincent Pang dan Muhammad Idris Bullare @ Bahari, (2019) pengajaran kemahiran membaca yang berkesan dapat meningkatkan keupayaan literasi murid dalam program pemulihan.

Modul ini akan memuatkan pelbagai aktiviti yang menyokong dua aspek penting iaitu pengetahuan kandungan dan kemahiran pedagogi. Selain menumpukan kepada strategi dan kaedah penyampaian kemahiran membaca, modul ini juga bertujuan untuk melatih guru dalam penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai





berdasarkan tahap keupayaan murid (Palaniandy & Yasin, 2021). Dalam hal ini, modul MSF turut berupaya meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru, sekali gus meningkatkan keyakinan dan keselesaan mereka dalam melaksanakan pengajaran. Menurut Ahmad et al. (2019), guru yang berpengetahuan serta mempunyai kemahiran pedagogi yang mantap akan lebih berkesan dalam menyampaikan kemahiran membaca kepada murid. Oleh itu, penguasaan membaca yang berkesan akan memberikan kesan positif kepada perkembangan literasi dalam kalangan murid Pemulihan Khas.

Secara khususnya, Modul MSF akan memberi penekanan kepada tiga komponen utama dalam penguasaan kemahiran asas literasi, iaitu pengenalan abjad, kemahiran menulis, serta keupayaan membaca dan memahami perkataan serta ayat. Modul ini juga berpotensi untuk digunakan sebagai panduan latihan perguruan di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG). Para pensyarah IPG boleh memanfaatkan modul ini sebagai sebahagian daripada kandungan kursus jangka pendek atau jangka panjang yang bertujuan melatih guru pelatih agar bersedia menangani cabaran pengajaran kemahiran membaca kepada murid pemulihan pada masa hadapan (Hamzah & Sirat, 2018).

Di samping itu, modul ini juga boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam latihan perguruan seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Bahagian Pendidikan Khas (BPK), yang boleh menggunakannya untuk melatih guru melalui program latihan atau bengkel yang berkaitan. Keupayaan modul ini yang bersifat mesra pengguna turut membolehkan penyelaras program kemahiran membaca di peringkat sekolah menggunakannya sebagai alat rujukan, manakala ibu bapa dan penjaga murid juga boleh memperoleh manfaat daripadanya sebagai panduan dalam menyokong pembelajaran anak-anak di rumah. Kajian lepas mendapati bahawa penyelidikan berkaitan pengajaran kemahiran membaca kepada





murid pemulihan di Malaysia masih kurang diberi perhatian (Shariza, 2017). Oleh itu, pembangunan modul ini mampu memberi impak yang signifikan terhadap usaha untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid yang memerlukan intervensi pemulihan.

Tambahan pula, keberkesanan kemahiran membaca murid pemulihan amat bergantung kepada amalan pengajaran guru di bilik darjah (Wan Ahmad, 2019). Dapatan daripada kajian ini diharap dapat membantu dalam mengenal pasti masalah, cabaran serta keperluan guru berkaitan kemahiran membaca. Maklumat tersebut seterusnya boleh digunakan dalam mereka bentuk program latihan yang khusus dan lebih berfokus untuk guru Pemulihan Khas. Antara kelebihan utama Modul MSF ialah kemampuannya untuk mempercepatkan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca bagi murid-murid yang memerlukan, melalui pendekatan yang sistematik dan berkesan.



1.8 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka teoritikal kajian ini dibangunkan berasaskan gabungan beberapa teori utama yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca secara menyeluruh. Teori-teori yang diaplikasikan dalam kajian ini meliputi Teori Pembelajaran Behaviorisme oleh Albert Bandura (1986), Teori Pembelajaran Konstruktivisme (Pembelajaran Masteri) oleh Bloom (1968), dan Teori Fonologi Autosegmental oleh Goldsmith (1976) yang kemudiannya diperluas oleh beberapa tokoh lain seperti Halle (1992) dan Sagey (1986). Gabungan teori ini digunakan untuk mengenal pasti keperluan pengajaran guru serta membangunkan elemen-elemen dalam Modul Membaca Sifir Fonik (MSF).





Teori pembelajaran behaviorisme yang diketengahkan oleh Bandura (1986) menekankan perubahan tingkah laku yang boleh diperhatikan secara langsung serta pengaruh persekitaran dalam mencetuskan perubahan tersebut. Prinsip asas dalam teori ini ialah hubungan antara rangsangan dan gerak balas (R-G), yang menjadi lebih kuat melalui proses pengukuhan dan pengulangan. Sivasanthiran (2015) menjelaskan bahawa pelaziman atau pengkondisian merujuk kepada proses pembentukan tingkah laku yang menyebabkan tindak balas menjadi lebih kerap atau dapat diramalkan melalui latihan dan peneguhan. Walau bagaimanapun, pendekatan behaviorisme juga mempunyai keterbatasan kerana hanya memberi perhatian kepada aspek luaran dan mengabaikan faktor dalaman seperti pemikiran, minat dan perasaan individu (Ahmad Johari Sihes, 2014).

Dalam konteks pengajaran, prinsip pengajaran langsung dalam pendekatan behaviorisme merangkumi beberapa fasa penting iaitu pengenalan, pengembangan, latihan berpandu, penutupan, amalan bebas, dan penilaian. Kaedah ini amat sesuai diaplikasikan dalam modul pengajaran membaca kerana ia melibatkan proses yang sistematik dan tersusun yang mampu membimbing murid melalui latihan yang berstruktur ke arah penguasaan kemahiran membaca.

Teori pembelajaran konstruktivisme pula memberi penekanan kepada bagaimana pelajar membina pengetahuan berdasarkan pengalaman dan kefahaman mereka sendiri. Dalam kajian ini, pendekatan pembelajaran masteri seperti yang diperkenalkan oleh Bloom (1968) digunakan untuk menyokong proses pembelajaran yang berasaskan kepada penguasaan objektif secara menyeluruh. Pendekatan ini menekankan bahawa hampir semua pelajar mampu menguasai sesuatu kemahiran atau pengetahuan dengan baik, sekiranya diberi masa yang mencukupi serta panduan yang jelas dan sistematik.





Menurut Jerry dan Jamaludin (2021), pembelajaran masteri merupakan satu kaedah pengajaran individu yang menggunakan kurikulum berstruktur dan dibahagikan kepada unit-unit pengetahuan serta kemahiran kecil. Kaedah ini membolehkan guru memberikan perhatian secara individu kepada pelajar berdasarkan keperluan mereka. Pendekatan ini amat relevan dalam pembinaan Modul MSF kerana ia menyokong konsep pengajaran secara berperingkat dan bersesuaian dengan keupayaan pelajar pemulihan.

Teori fonologi autosegmental yang diperkenalkan oleh Goldsmith (1976) merupakan salah satu pendekatan dalam aliran fonologi generatif yang bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang struktur bunyi bahasa. Teori ini menekankan bahawa perwakilan fonologi terdiri daripada serangkaian segmen yang berinteraksi di pelbagai aras melalui garis penghubung, berbanding pendekatan tradisional yang melihat fonem secara linear.



Model fonologi generatif autosegmental ini kemudiannya dikembangkan oleh Halle (1992) yang memperkenalkan konsep geometri ciri, iaitu struktur hierarki nod dengan ciri-ciri artikulasi tersendiri. Berbanding model asal oleh Sagey (1986), model Halle menawarkan struktur artikulasi yang lebih terperinci dari segi fungsi dan pengelompokan nod artikulasi. Hamid (2013) pula menekankan bahawa teori autosegmental membantu dalam menjelaskan bagaimana alat artikulasi seperti lidah, bibir, laring, dan velar diselaraskan dalam penghasilan bunyi bahasa.

Dalam kajian ini, pendekatan teori fonologi autosegmental digunakan untuk membentuk struktur fonik dalam Modul MSF, terutamanya dalam proses pengucukataan bahasa Melayu. Teori ini disesuaikan mengikut struktur suku kata dalam bahasa Melayu dan digunakan sebagai asas dalam pengajaran membaca yang menekankan gabungan bunyi fonem dan konsonan. Menurut Mohd Rusli (2022),





dalam kajian beliau mengenai bahasa Kerinci, beliau menggunakan model skeletal KV dalam teori autosegmental untuk menjelaskan proses penyukuan vokal tinggi seperti /i/ dan /u/ kepada diftong [aj] dan [aw]. Proses penyukuan ini juga diaplikasikan kepada struktur suku kata tertutup seperti [ajh] dan [awh], yang menjadi rujukan penting dalam pembentukan pendekatan fonik yang tepat.

Kasim (2023) pula menyatakan bahawa teknik pengejaan suku kata tertutup dalam bahasa Melayu bermula dengan pembunyian fonem yang mengikut sistem International Phonetic Alphabets (IPA). Proses pengejaan berlaku secara regresif, iaitu dari kanan ke kiri, dengan vokal di posisi nukleus digabungkan dengan konsonan di posisi koda untuk membentuk bunyi rima (VK). Hal ini membolehkan pemahaman rima dan struktur suku kata diajar dengan lebih sistematik dalam modul pengajaran membaca.



Teori autosegmental ini juga dilihat lebih sesuai dan berkesan dalam mengendalikan proses fonologi kerana ia membolehkan pengajaran dibuat dengan lebih semula jadi serta bersesuaian dengan struktur linguistik bahasa Melayu (Mohd Rusli, 2019). Oleh itu, teori ini menjadi asas yang kukuh dalam membina kandungan fonik dalam Modul MSF, seterusnya memperkukuh proses pembelajaran membaca bagi murid Pemulihan Khas.




**Jadual 1.1***Rumusan Kerangka Teoritik Kajian*

Teori	Tokoh	Fokus Teori	Aplikasi dalam Kajian
Teori Pembelajaran Behaviorisme	Albert Bandura (1986); Sivasanthiran (2015)	Tingkah laku terbentuk melalui hubungan rangsangan dan gerak balas serta pengukuhan.	Digunakan dalam menganalisis keperluan pengajaran guru; menyokong prinsip pengajaran langsung dalam modul.
Teori Pembelajaran Masteri (Konstruktivisme)	Benjamin Bloom (1968); Jerry & Jamaludin (2021)	Pembelajaran berdasarkan penguasaan; pelajar boleh capai objektif jika diberi masa dan panduan mencukupi.	Membentuk pendekatan modul yang berstruktur dan berperingkat mengikut kebolehan murid.
Teori Fonologi Autosegmental	Goldsmith (1976); Halle (1992); Sagey (1986); Hamid (2013); Mohd Rusli (2019, 2022); Kasim (2023)	Struktur fonologi bersifat hierarki; fokus kepada penghasilan dan pengejaan suku kata secara sistematik.	Digunakan untuk membina elemen fonik dalam modul, termasuk struktur suku kata dan rima bahasa Melayu.



Rajah 1.1

Kerangka Teoritikal



1.9 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual bagi kajian ini dibangunkan dengan mengadaptasi model reka bentuk instruksional ADDIE yang merangkumi lima fasa utama: Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian. Model ini dipilih kerana strukturnya yang sistematik dan fleksibel dalam membangunkan modul pengajaran secara menyeluruh.



Kandungan Modul Membaca Sifir Fonik (MSF) yang dibangunkan berasaskan kepada gabungan tiga teori utama iaitu Teori Behaviorisme oleh Bandura (1986), Teori Konstruktivisme melalui Pembelajaran Masteri oleh Bloom (1968), dan Teori Pensukukataan Bahasa Melayu yang diadaptasi daripada Teori Autosegmental oleh Goldsmith (1976/1990). Gabungan ketiga-tiga teori ini memberi asas yang kukuh kepada pembinaan dan pelaksanaan modul agar sesuai dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran dalam konteks murid Pemulihan Khas.

Dalam fasa pertama iaitu Analisis Keperluan, pengkaji mendapatkan pandangan daripada guru dan pakar dalam bidang Pemulihan Khas untuk mengenal pasti keperluan modul. Analisis keperluan ini dianggap sebagai langkah penting yang memberikan maklumat awal tentang kemahiran dan pengetahuan guru terhadap pengajaran kemahiran membaca (Abdul Aziz & Mamat, 2021). Penilaian keperluan ini dilaksanakan melalui penilaian sendiri guru, yang membolehkan pengkaji mengenal pasti aspek-aspek penting untuk ditambah baik dalam pengajaran.

Keberkesanan pengajaran kemahiran membaca amat bergantung kepada sejauh mana guru menguasai aspek-aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran mereka (Rahman, Malek & Mansor, 2021). Oleh itu, maklumat yang diperoleh dalam fasa ini menjadi asas kepada pembinaan modul dalam fasa seterusnya.

Dalam Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, pengkaji mengaplikasikan lima elemen utama seperti yang dicadangkan dalam kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM), iaitu: objektif, kandungan, kaedah atau strategi pengajaran, aktiviti/latihan, dan penilaian. Setiap elemen ini dirancang secara berurutan, bermula dengan penetapan tujuan yang jelas sebelum diikuti dengan perincian kandungan dan kaedah pengajaran. Walaupun susunan elemen ini bersifat linear, namun proses reka bentuk





boleh dilaksanakan secara berulang (iteratif) sekiranya terdapat kekurangan atau kelemahan dalam mana-mana elemen.

Setelah maklumat daripada analisis keperluan diperoleh, proses pembangunan modul dimulakan. Modul MSF ini dibina berpandukan Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap komponen dalam modul dirancang berdasarkan kemahiran yang terkandung dalam panduan tersebut. Bagi memastikan pembinaan kandungan yang lebih sistematik, pengkaji turut mengadaptasi Model Taba (1962) yang menekankan pendekatan kurikulum dari khusus ke umum (Bakri & Osman, 2020).

Selain itu, pembangunan modul turut melibatkan panel pakar, termasuk pensyarah dan guru Pemulihan Khas sendiri, bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan kandungan modul. Pendekatan ini selari dengan prinsip Andragogi oleh Knowles (1984), yang menekankan penglibatan aktif individu dewasa dalam perancangan pembelajaran. Saranan dan maklum balas daripada panel pakar digunakan untuk membuat penambahbaikan terhadap kandungan modul sebelum ia diuji dalam situasi sebenar.

Seterusnya, Fasa Pelaksanaan dan Penilaian dijalankan. Dalam fasa pelaksanaan, modul MSF diaplikasikan dalam persekitaran sebenar dengan melibatkan guru-guru Pemulihan Khas. Penilaian terhadap kebolegunaan modul dijalankan dengan memberi fokus kepada aspek keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna seperti yang digariskan dalam ISO 9241-11 (1998). Penilaian ini merangkumi penguasaan topik oleh guru serta tempoh masa yang diambil untuk mencapai objektif pembelajaran.






Penilaian keberkesanan modul turut mengaplikasikan Model Trialological (Mahamsiatus, 2019) yang melibatkan soal selidik berbentuk ordinal. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan nilai min dan pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi menilai kestabilan dan kesahan item penilaian.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual kajian ini berteraskan lima aspek utama yang dilaksanakan secara sistematik iaitu, matlamat dan sasaran, kandungan modul, kaedah dan strategi pengajaran, aktiviti dan latihan, serta penilaian modul. Kelima-lima aspek ini saling berinteraksi dan memberikan maklum balas dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran kepada guru Pemulihan Khas. Justeru, modul yang dibangunkan bukan sahaja menyokong proses pengajaran yang lebih berkesan, malah membantu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Pemulihan Khas secara sistematik dan terarah.



Rajah 1.2

Kerangka Konseptual Kajian



1.10 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pembangunan Modul Pengajaran Kemahiran Membaca (MSF) bagi guru Pemulihan Khas. Skop kajian meliputi pelaksanaan analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, serta penilaian keberkesanan modul dari aspek pengetahuan dan kemahiran guru. Dapatan kajian adalah terhad



kepada pengajaran kemahiran membaca sahaja dan tidak merangkumi kemahiran lain seperti menulis atau menaakul. Oleh itu, generalisasi dapatan tidak sesuai untuk aplikasi kemahiran lain di luar ruang lingkup modul ini.

Analisis keperluan pengguna dilaksanakan melalui kajian tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen ini diedarkan kepada sekurang-kurangnya 130 orang guru Pemulihan Khas di seluruh negeri Pahang. Responden terdiri daripada golongan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang pemulihan khas, termasuklah Guru Pemulihan Khas dengan pengalaman mengajar lebih lima tahun. Jurulatih Utama Pemulihan Khas, Guru Cemerlang dan Guru Inovatif Pemulihan Khas, Guru yang pernah terlibat sebagai panel penggubal Buku Panduan Pemulihan (2019), Panel Modul LINUS (2018), Pegawai Pemulihan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Kajian ini juga terhad kepada kesediaan, kerjasama, dan kejujuran para responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan.

Pelaksanaan dan penilaian keberkesanan modul hanya dijalankan dalam kalangan guru Pemulihan Khas di sekolah rendah seluruh negeri Pahang. Negeri ini dipilih berdasarkan jumlah guru Pemulihan Khas yang tinggi serta keperluan yang signifikan terhadap peningkatan pengajaran kemahiran membaca. Menurut statistik Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) sehingga 31 Oktober 2020, jumlah murid pemulihan dari Tahun 1 hingga Tahun 6 adalah seramai 3,218 orang. Malah, seramai 25% daripada murid Tahun 1 (anggaran 9,400 orang murid pemulihan) masih belum menguasai kemahiran membaca, justeru menunjukkan keperluan mendesak terhadap intervensi berstruktur.





Pemilihan guru dalam fasa pelaksanaan dilakukan oleh pegawai JPNN berdasarkan kriteria pengalaman mengajar pemulihan yang tidak melebihi lima tahun. Tiada kekangan berdasarkan jantina atau bangsa kerana kajian ini menekankan kepada peranan dan kemahiran profesional guru tanpa diskriminasi latar belakang peribadi.

Skop penilaian modul hanya merangkumi aspek kebolegunaan yang meliputi impak terhadap penguasaan pengetahuan dan kemahiran guru selepas intervensi modul. Kandungan modul yang dibangunkan adalah berdasarkan 32 kemahiran pemulihan seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas. Modul ini dibina dengan objektif untuk meningkatkan kecekapan guru dalam pengajaran kemahiran membaca murid pemulihan, selaras dengan keperluan kurikulum dan perkembangan murid di peringkat rendah.



1.11 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diambil kira dalam mentafsir dapatan penyelidikan. Pertama, analisis keperluan pengguna telah dilaksanakan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh guru Pemulihan Khas. Oleh itu, ketepatan dapatan bergantung kepada tahap kejujuran dan kerjasama responden dalam memberikan maklumat. Ini merupakan satu batasan utama kerana sebarang unsur ketidaktelusan atau salah tafsir oleh responden boleh mempengaruhi kualiti data yang diperolehi.





Kedua, skop kajian ini hanya tertumpu kepada murid-murid Program Pemulihan Khas sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar aliran perdana atau pelajar berkeperluan khas yang mengikuti program intervensi selain Program Pemulihan Khas. Fokus penyelidikan adalah khusus kepada pembangunan dan pengujian kebolegunaan Modul Pengajaran Kemahiran Membaca (Modul MSF) bagi guru yang mengajar murid pemulihan di sekolah rendah.

Bagi fasa pelaksanaan dan penilaian modul, lokasi kajian terhad kepada sekolah-sekolah rendah di daerah Maran, negeri Pahang. Pemilihan ini adalah berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) yang menunjukkan bilangan guru Pemulihan Khas baharu paling tinggi berada di daerah ini. Justeru, hanya guru Pemulihan Khas di daerah Maran yang terlibat dalam pelaksanaan dan penilaian modul. Pemilihan guru dilaksanakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Maran berdasarkan kriteria pengalaman mengajar Pemulihan Khas kurang daripada lima tahun.

Keterbatasan kawasan kajian ini juga berpunca daripada situasi pandemik COVID-19 yang telah membataskan pergerakan dan pelaksanaan kajian di daerah-daerah lain. Pengkaji tidak memperoleh kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pahang untuk menjalankan bengkel di luar daerah Maran. Sebaliknya, kebenaran pelaksanaan hanya diperoleh daripada PPD Maran, dan interaksi serta pelaksanaan aktiviti bersama guru dijalankan secara dalam talian melalui platform Google Meet. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada guru-guru di daerah lain di negeri Pahang atau negeri-negeri lain.

Seterusnya, analisis kandungan dalam kajian ini adalah terhad kepada kemahiran membaca sahaja, berdasarkan Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas (KPM, 2019). Justeru,





dapatan yang diperoleh hanya sesuai digunakan bagi tujuan penambahbaikan dalam pengajaran kemahiran membaca, dan tidak mencakupi kemahiran-kemahiran lain seperti menulis, mendengar atau menaakul.

Batasan lain ialah penilaian modul yang dijalankan dalam kajian ini hanya menumpukan kepada aspek kebolegunaan modul dari sudut impak terhadap pengetahuan dan kemahiran guru, bukan menilai keberkesanan modul terhadap penguasaan murid. Oleh itu, kajian ini tidak membuat sebarang inferens tentang perubahan dalam prestasi murid selepas pelaksanaan modul.

Berdasarkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas (KPM, 2019), terdapat sebanyak 32 kemahiran asas Bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh murid Program Pemulihan Khas. Kemahiran-kemahiran ini merangkumi lima struktur bahasa utama iaitu: (i) prabacaan dan pratulisan, (ii) abjad, (iii) suku kata, (iv) perkataan, dan (v) ayat. Namun, pelaksanaan kesemua komponen modul memerlukan jangka masa yang panjang dan bertahun-tahun untuk disempurnakan sepenuhnya.

Dalam konteks penyelidikan ini, pelaksanaan modul oleh guru di dalam bilik darjah tidak dapat dilakukan secara menyeluruh dan hanya tertumpu kepada struktur Bahasa yang melibatkan kemahiran perkataan sahaja. Oleh itu, sebarang aktiviti guru semasa pelaksanaan keseluruhan modul dan keberkesanan penuh terhadap murid adalah di luar skop kajian ini.

Sebagai kesimpulan, batasan-batasan yang dinyatakan di atas penting untuk difahami agar pembaca dan pengguna dapatan kajian ini dapat mentafsir hasil penyelidikan dalam konteks dan skop sebenar penyelidikan ini dijalankan.





1.12 Definisi Operasi

Modul merujuk kepada unit pengajaran yang disusun secara sistematik dalam bentuk tertentu untuk tujuan pembelajaran serta pengembangan kemahiran dan kebolehan individu. Modul juga menyediakan latihan pembangunan bagi meningkatkan kecekapan atau kemahiran seseorang individu dalam sesebuah organisasi (Lamsah et al., 2021).

Dalam konteks kajian ini, pembangunan modul merujuk kepada proses pembinaan Modul Pengajaran Kemahiran Membaca atau Modul MSF, yang dibangunkan khusus untuk kegunaan guru Pemulihan Khas.

Kajian ini dilaksanakan dalam tiga peringkat utama iaitu, Peringkat I: Analisis

Keperluan dimana pengkaji memperoleh maklumat berkaitan tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pemulihan Khas dalam pengajaran kemahiran membaca. Maklumat ini diperoleh melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik. Peringkat II: Reka Bentuk dan Pembangunan, Kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) diaplikasikan untuk mendapatkan konsensus pakar mengenai elemen yang perlu dimasukkan ke dalam modul. Lima elemen utama yang dicadangkan ialah: matlamat/objektif, kandungan, teknik/kaedah, sumber, dan penilaian. Input reka bentuk modul diperoleh daripada analisis keperluan guru serta analisis dokumen terhadap Buku Panduan Pemulihan Khas. Peringkat III: Pelaksanaan dan Penilaian, modul diuji dari segi kebolehgunaan, yang diukur melalui aspek keberkesanan, kecekapan, dan kepuasan pengguna (guru).





1.12.1 Pembangunan modul

Definisi operasi bagi kajian ini merujuk kepada takrifan konsep utama yang digunakan dalam konteks pembangunan modul pembelajaran, khususnya modul yang dibangunkan untuk membantu meningkatkan kemahiran membaca. Kajian ini melibatkan proses pembangunan Modul Sifir Fonik (MSF) yang direka untuk digunakan oleh guru Pemulihan Khas. Modul ini dihasilkan melalui beberapa peringkat, iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, pelaksanaan, serta penilaian keberkesanan modul.

Pembangunan modul merujuk kepada proses menghasilkan satu bahan pembelajaran berbentuk bercetak yang disusun secara sistematik dan berdasarkan prinsip pengajaran serta pembelajaran yang berkesan. Modul ini mengandungi elemen-elemen penting seperti objektif pembelajaran, kandungan, strategi pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pembelajaran, bahan sokongan, serta instrumen penilaian. Modul yang dibangunkan perlu memenuhi keperluan kurikulum sedia ada, selaras dengan dokumen standard pendidikan, dan disesuaikan dengan tahap penguasaan murid yang disasarkan.

Reka bentuk dan pembangunan modul dalam kajian ini berpandukan model pembangunan ADDIE yang merangkumi fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian. Modul ini dibentuk melalui input daripada data analisis keperluan, termasuk tinjauan terhadap guru Pemulihan Khas dan analisis dokumen seperti Buku Panduan Pemulihan Khas. Selain itu, proses reka bentuk dan pembangunan modul melibatkan penggunaan kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap elemen-elemen yang diperlukan dalam modul.





Pelaksanaan modul merujuk kepada penggunaan modul oleh guru Pemulihan Khas dalam situasi sebenar pengajaran, manakala penilaian modul merujuk kepada proses menilai keberkesanan dan kebolegunaan modul berdasarkan maklum balas pengguna serta prestasi murid yang dinilai melalui ujian praujian dan pascaujian.

Secara keseluruhannya, definisi operasi pembangunan modul dalam kajian ini adalah satu proses sistematik menghasilkan bahan pembelajaran bercetak yang disusun berdasarkan keperluan pembelajaran, dilengkapi dengan objektif, kandungan, strategi pengajaran, bahan sokongan, aktiviti, dan instrumen penilaian, serta dinilai dari segi keberkesanan penggunaannya dalam konteks pengajaran kemahiran membaca.

1.12.2 Guru Pemulihan Khas



Guru Pemulihan Khas ialah guru yang telah mendapat latihan khusus dalam bidang pendidikan pemulihan di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara. Mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan khusus untuk membantu murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) (Bahagian Pendidikan Khas, 2019).

Dalam Buku Pedoman Umum Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1982, pendidikan pemulihan dirujuk sebagai satu bentuk pendidikan khas yang memberi tumpuan kepada murid yang menghadapi kesulitan dalam mata pelajaran tertentu. Dalam bahasa Inggeris, istilah ini dikenali sebagai *remedial education*, iaitu bentuk intervensi pendidikan yang berfokus kepada keperluan individu murid yang memerlukan bantuan tambahan dalam aspek tertentu pembelajaran.



1.12.3 Modul Membaca Sifir Fonik (MSF)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, 'sifir' merujuk kepada senarai nombor yang didarab secara berurutan (contohnya $2 \times 2 = 4$, $3 \times 2 = 6$). Dalam konteks kajian ini, 'sifir' digunakan secara metafora merujuk kepada formula atau pola berulang dalam membaca, manakala 'fonik' merujuk kepada kaedah pengajaran membaca yang melatih pelajar mengaitkan bunyi dengan simbol (huruf).

Kaedah Bahasa Sifir ialah teknik pembelajaran membaca yang menggunakan pendekatan suku kata secara berstruktur. Dalam kaedah ini, kod Bahasa diaplikasikan untuk membantu murid mengenal dan menyebut suku kata secara sistematik. Guru menggunakan bantuan visual seperti carta suku kata, bacaan berperingkat, latihan interaktif, dan ujian saringan. Teknik ini turut melibatkan penggunaan isyarat jari untuk menunjukkan bilangan suku kata (Roslan Chin, 2016).

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam modul ini meliputi peringkat mengenal huruf, membaca suku kata, mengenal perkataan, dan memahami ayat dalam konteks tatabahasa (Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid & Salinah Ja'afar, 2018).

1.12.4 Murid Pemulihan Khas

Murid Pemulihan Khas ialah individu yang menghadapi halangan pembelajaran dalam kemahiran tertentu, sering menunjukkan sikap negatif terhadap pembelajaran, kurang keyakinan diri, serta memiliki tingkah laku yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Murid dalam kategori ini sering mengalami kesukaran dalam



penguasaan kemahiran asas 3M (membaca, menulis, mengira), yang disebabkan oleh faktor persekitaran dan bukan kerana kelemahan kognitif (Roslan Chin & Nurahimah Yusoff, 2017).

Murid Pemulihan Khas juga dikategorikan sebagai murid yang tidak menunjukkan tanda-tanda fizikal kelainan seperti masalah penglihatan atau pendengaran yang boleh diukur, namun mereka mengalami gangguan pembelajaran ringan. Menurut Jais Sahok dan Mat Nor Husin (1990), kanak-kanak pemulihan mempunyai pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding rakan sebaya dalam aspek kemahiran tertentu. Mereka bukan semestinya lemah dalam semua mata pelajaran, tetapi boleh menunjukkan kelemahan dalam satu atau dua kemahiran asas.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula merumuskan bahawa perbezaan dalam minat, pengalaman, bakat dan gaya pembelajaran antara individu menyebabkan sesetengah murid ketinggalan dalam penguasaan kemahiran tertentu berbanding rakan sebaya mereka.

1.12.5 Kemahiran Membaca

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), membaca ditakrifkan sebagai tindakan memerhati isi kandungan sesuatu bahan bertulis atau bercetak dengan teliti serta memahami maksud kandungannya. Ahmad dan Othman (2020) menjelaskan bahawa kemahiran membaca merujuk kepada proses mengenal huruf, membina suku kata, dan seterusnya membentuk ayat mudah. Ia merupakan satu aktiviti kompleks yang melibatkan pelbagai proses kognitif, persepsi, dan afektif yang saling berinteraksi.





Membaca bukan sahaja melibatkan pengenalan kepada simbol atau huruf, tetapi juga pemahaman terhadap maksud, konteks dan idea yang disampaikan. Justeru, ia menuntut keupayaan meta-kognitif yang membolehkan pembaca mengintegrasikan pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu dalam bahan bacaan.

1.13 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan secara menyeluruh latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kepentingan serta justifikasi penyelidikan yang dijalankan. Kajian ini memberi tumpuan kepada pembangunan Modul Membaca Sifir Fonik (MSF) yang direka khusus untuk meningkatkan kemahiran pengajaran membaca dalam kalangan guru Pemulihan Khas. Masalah yang timbul dalam penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Pemulihan Khas serta kekangan dalam amalan pengajaran guru telah dikenal pasti sebagai asas kepada keperluan pembangunan modul ini.

Kajian ini dijalankan dengan pendekatan pembangunan ADDIE yang merangkumi tiga peringkat utama, iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan modul, serta pelaksanaan dan penilaian kebolehgunaan. Skop dan batasan kajian telah diperjelaskan bagi menggariskan ruang lingkup penyelidikan yang tertumpu kepada guru Pemulihan Khas di Negeri Pahang, khususnya di daerah Maran, dan hanya memberi fokus kepada kemahiran membaca berdasarkan kandungan dalam Buku Panduan Pemulihan Khas.



Selain itu, bab ini turut membincangkan definisi operasi bagi istilah-istilah utama seperti pembangunan modul, guru Pemulihan Khas, Modul Membaca Sifir Fonik, murid Pemulihan Khas dan kemahiran membaca. Penjelasan ini penting bagi memastikan keseragaman pemahaman terhadap konsep-konsep yang digunakan sepanjang penyelidikan.

Secara keseluruhannya, Bab 1 memberikan asas yang kukuh kepada penyelidikan ini dengan menekankan kepentingan intervensi bersasar melalui pembangunan modul yang berasaskan keperluan guru dan murid dalam konteks pendidikan Pemulihan Khas. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan literatur yang berkaitan sebagai sokongan teori dan amalan dalam pembangunan modul pengajaran membaca.